



**MEMPERKASAKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM MENGUNGKAI
MAKNA DI SEBALIK BAHAN SENI BAHASA: SATU PENDEKATAN SEMANTIK INKUISITIF**

*(Empowering High Order Thinking Skill (HOTS) in Dismantling The Meaning Behind The Language Art
Materials: An Inquisitive Semantic Approach)*

George Romiko Bujang^{1*}, Mary Fatimah Subet¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding Author Email: georgeromiko@yahoo.com

Received: 15 December 2021 • Accepted: 24 February 2022 • Published: 30 April 2022

Abstract

Rhymes is a language's art material that should be learned in Malay Language Education especially at the primary school education level. However, a number of students are facing the difficulty of discovering the implicit meaning contained in the language's art material. Thus, this study was carried out to describe either the Inquisitive Semantic (IS) approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014) can stimulate the cognitive of students to unravel the implicit meaning of the rhymes. This qualitative study used a text analysis and observation 7 respondents consisting of Year Five students. The findings showed that pupils able to carry out an implicit meaning through systematic and multidisciplinary methods. The using of Relevance Theory in the second stage of resonance semantic analysis makes learning Malay education more interesting and meaningful as well as providing better quality learning outcomes. Inquisitive Semantics approach is expected to help students empower High Order Thinking Skills (HOTS) in the teaching and learning language arts' process.

Keywords: Language arts; Resonance Semantic; Inquisitive Semantics; Relevance Theory; HOTS.

Abstrak

Sajak merupakan bahan seni bahasa yang harus dipelajari dalam Pendidikan Bahasa Melayu lebih-lebih lagi di peringkat pendidikan rendah. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan pelajar menghadapi kesukaran untuk mencungkil makna tersirat yang terkandung di dalam bahan seni bahasa itu. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menyingkap sejauh mana pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dapat merangsang kognitif murid mengungkai makna tersirat di sebalik sajak. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks bahan seni bahasa dan pemerhatian terhadap 7 orang responden yang terdiri daripada pelajar Tahun Lima. Hasil kajian mendapati pelajar berupaya mencungkil makna tersirat melalui kaedah pengesanan makna yang bersistematik dan multidisiplin. Penggunaan Teori Relevans dalam peringkat kedua analisis semantik resonans menjadikan pembelajaran pendidikan Bahasa Melayu lebih menarik dan bermakna serta memberikan hasil pembelajaran yang lebih berkualiti. Pendekatan SI ini diharap akan menjadi satu lagi pendekatan yang utama untuk membantu pelajar memperkasakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran seni bahasa.

Kata kunci: Seni bahasa; Semantik Resonans; Semantik Inkuisitif; Teori Relevans; KBAT

Cite as: Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2022). Empowering high order thinking skills (HOTS) in dismantling the meaning behind the language art materials: An inquisitive semantic approach. *Asian People Journal*, 5(1), 101-113.

PENGENALAN

Seni bahasa merupakan aspek pembelajaran yang sinonim dengan pendidikan Bahasa Melayu terutamanya di sekolah. Seni bahasa ialah lambang keindahan dan kesenian bahasa yang menjadi nadi penggerak budaya dan amalan penuturnya. Dengan erti kata lain, seni bahasa merujuk kepada keindahan, kehalusan dan kebahasaan dalam Bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai bukan sahaja oleh pelajar itu sendiri malahan guru-guru serta ahli-ahli akademik yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pengajaran aspek bahasa ini. Menurut kajian Othman dan Jamian (2013) aspek seni bahasa ini merujuk keupayaan murid memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan dalam konteks pendekatan didik hibur. Seni bahasa juga menampilkan keindahan bahasa dari segi pembentukan gaya bahasa khususnya ayat yang menggunakan unsur simile, peribahasa, bahasa kiasan dan personifikasi yang terdapat dalam teks yang dibaca. Justeru, melalui idea yang kreatif, pembelajaran seni bahasa ini diharapkan akan dapat melahirkan pelajar yang menguasai kemahiran lisan, penulisan serta ketrampilan berbahasa dengan baik dan berkualiti.

Kemunculan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam perkembangan pembelajaran abad ke-21 telah merancakkan lagi pembelajaran seni bahasa di peringkat sekolah. Karya-karya seperti sajak, pantun, lirik lagu dan sebagainya menjadikan proses pembelajaran yang berlangsung berupaya mencabar perkembangan kognitif pelajar dari aras yang rendah sehinggalah ke aras yang tertinggi. KBAT mengaplikasikan pemikiran secara kritikal, pemikiran kreatif, pemikiran logikal, pemikiran reflektif dan meta kognitif. Secara mudahnya murid mencerp sesuatu data atau maklumat kemudian diproses dalam minda dan akhirnya dikeluarkan semula dalam pelbagai bentuk. Kemahiran berfikir ini juga dikatakan sebagai berfikir secara kritis dan kreatif. KBAT mempunyai kelebihan iaitu meningkatkan keupayaan dan kebolehan sedia ada pada pelajar. Pelajar akan dapat mengawal, memandu dan mengukur pembelajaran yang telah mereka kuasai. Kebolehan ini akan menjadikan pelajar lebih produktif dan berdaya saing. Menurut Hanapi dan Zakaria (2019), secara umumnya, definisi KBAT merujuk kepada kemampuan seseorang individu menyelesaikan sesuatu masalah, membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu perkara dengan berfikir secara kreatif, inovatif, tidak terhad kepada sesuatu keadaan sahaja malah meluas dan terbuka selagi tidak melangkaui logik akal fikiran manusia.

Sejajar dengan kebolehan yang ada pada murid melalui elemen KBAT ini, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan dokumen standard pembelajaran berkenaan pelaksanaan pengajaran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK), bahan pengajaran-pembelajaran seni bahasa yang diajarkan dalam mata pelajaran tersebut merangkumi puisi tradisional dan puisi moden. Pelaksanaan pengajaran kemahiran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai satu pendekatan atau langkah ke hadapan untuk memberi pendedahan kepada murid tentang puisi.

Penerapan elemen KBAT dalam DSKP sedikit sebanyak menyediakan garis panduan kepada guru untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran seni bahasa yang berupaya mencabar kecerdasan kognitif murid. Secara tidak langsung pengajaran puisi dalam kemahiran seni bahasa ini mampu memperkasa penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid dengan lebih meluas. Dengan yang demikian, pelajar secara beransur-ansur dapat mempertajam daya kreatif dalam berbahasa terutamanya aspek seni bahasa. Pada akhirnya, kemahiran intrapersonal dan interpersonal pelajar dapat dipertingkatkan dengan pelaksanaan pengajaran-pembelajaran kemahiran seni bahasa yang lebih bersistematik dan bersifat multidisiplin.

Penyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan bahan pengajaran-pembelajaran seni bahasa seperti sajak melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Namun begitu, setelah sepuluh tahun diperkenalkan, masih ada sebilangan murid di peringkat sekolah rendah belum dapat memahami dengan sepenuhnya makna yang terkandung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa tersebut. Keadaan ini didorong oleh pelbagai faktor yang merencatkan proses pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah. Aida et al. (2018) menjelaskan bahawa puisi tradisional, iaitu pantun masyarakat Melayu lama dilihat sukar untuk difahami maksudnya kerana terikat dengan susunan perkataan yang terlalu klasik. Penggunaan kata dan frasa klasik dalam pantun agak janggal bagi kanak-kanak kerana ia jarang dipertuturkan dalam rutin harian. Situasi ini menyebabkan kanak-kanak kurang berminat untuk mempelajari puisi tradisional.

Menurut George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2021) murid-murid juga perlu diberi kemahiran asas menguasai makna puisi pada peringkat sekolah rendah lagi, selaras dengan penerapan KBAT dalam sistem persekolahan demi menghadapi persaingan sengit bagi mendepani persekitaran pembelajaran yang lebih berdaya saing. Kajian Yahya (2014) menjelaskan bahawa, penguasaan dan amalan terhadap kemahiran berfikir menjadi sangat penting bagi membentuk dan membina kualiti murid yang mampu bersaing di pentas global yang kian mencabar. Pengetahuan asas murid yang terbatas menjadi masalah dalam melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam bilik darjah.

Menurut Abdullah Hassan (1987) (dalam Othman dan Jamian, 2013), kegagalan dalam merancang dan menentukan teknik pengajaran bahasa Melayu menyebabkan isi pelajaran gagal disampaikan secara berkesan. Pendekatan yang diaplikasikan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan kurang memberi rangsangan kepada corak pemikiran murid. Perkara ini menyebabkan penjelasan tentang isi kandungan secara tersurat dan tersirat menjadi lemah dan seterusnya mengakibatkan kandungan isi jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus pembelajaran, menyimpang daripada matlamat asal serta meleret-leret dan tidak menepati kehendak tugasan. Bertitik tolak daripada situasi ini, penting untuk mengetengahkan satu pendekatan lebih holistik yang bersifat penerokaan bagi memupuk kecerdasan berfikir pelajar ke tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh Norhashimah

Jalaluddin (2014) bagi mencetus minat dan keupayaan pelajar untuk terus meneroka sesuatu makna dalam bahan pembelajaran sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi pencipta sajak.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, dua objektif kajian telah dikenal pasti dalam kajian ini. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Menganalisis makna tersirat dalam bahan pengajaran-pembelajaran seni bahasa berbentuk sajak menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.
2. Menghuraikan keberkesanan pendekatan semantik inkuisitif sebagai pendekatan pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa.

Kajian Literatur

Nasir dan Subet (2018) telah menjalankan kajian yang menggabungkan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dengan kandungan pengajaran peribahasa melalui pendidikan Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji telah dapat menjelaskan makna peribahasa menggunakan kerangka semantik inkuisitif melalui proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa di dalam bilik darjah. Sebagai contoh, dalam data yang dianalisis oleh pengkaji menggunakan semantik skrip, iaitu ‘Melentur buluh biarlah dari rebungnya’ diberi maksud sebagai melatih atau mendidik anak hendaklah sejak dari kecil kerana jika sudah besar susah hendak mendidiknya. Seterusnya, pada peringkat analisis semantik resonans, pengkaji telah mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam Teori Relevans untuk menjelaskan makna yang lebih mendalam. Berdasarkan konteks Teori Relevans, peribahasa ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’ tidak sukar untuk diproses kerana ia mempunyai antesedan yang membolehkan peribahasa tersebut difahami maknanya walaupun secara implisit. Melalui analisis menggunakan RRS, kewujudan objek ‘buluh’ dapat difahami sebagai anak-anak yang telah dewasa manakala objek ‘rebung’ pula dapat dirujuk silang dengan leksikal ‘anak-anak mereka yang mula mengenal erti kemodenan’ iaitu dalam peringkat usia yang masih muda dan masih boleh dibentuk oleh ibu bapa. Selanjutnya, analisis diteruskan dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik penggunaan pelbagai objek dan imej dalam peribahasa tersebut. Pengkaji mempersoalkan alasan mengapa masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan perbandingan objek ‘buluh’ dan ‘rebung’ dalam ungkapan peribahasa itu. Dalam kajian ini, pengkaji dapat menjelaskan makna peribahasa menggunakan kerangka semantik inkuisitif. Pengkaji telah dapat mencungkil falsafah serta akal budi penutur jati yang tersembunyi di sebalik setiap ungkapan peribahasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran peribahasa di dalam bilik darjah.

Kajian Srikandi dan Fatimah (2020), menganalisis perwatakan dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor. Dalam kajian ini, pendekatan Teori Relevan (TR) yang mementingkan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat diaplikasikan bagi membantu pembaca memahami citra atau perwatakan watak dalam novel tersebut. Hasil analisis TR dan RRS dapat disimpulkan perwatakan watak dalam novel ini digambarkan sebagai seorang yang berdikari, bertanggungjawab, tidak bertindak terburu-buru dan sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan. Kajian ini juga mendapati, berdasarkan TR, semakin banyak kesan kognitif yang terhasil semakin mudah usaha memproses dan semakin relevan ujaran tersebut. Seterusnya, dengan adanya tambahan frasa, dapat memudahkan pemahaman makna terhadap perbuatan atau tindakan seseorang yang diceritakan dalam sesuatu karya. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa, pengaplikasian TR dan RRS dalam pembelajaran novel KOMSAS adalah relevan dan dapat memberi makna implisit kepada pelajar. George Romiko Bujang dan Mary Fatimah Subet (2021) telah melaksanakan kajian bertajuk “Penggabungan Pendekatan Semantik Inkuisitif Dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran-Pembelajaran Bahan Seni Bahasa”. Hasil kajian yang

dijalankan mendapati pendekatan Semantik Inkuisitif yang digabungkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berupaya membantu pelajar merungkai makna yang terkandung dalam bahan seni bahasa. Salah satu data yang dikaji ialah ‘akal kita mampu mengolahnya’, iaitu salah satu ungkapan yang dipetik daripada sajak salah satu sajak yang dipelajari dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5. Dalam analisis data, pengkaji mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang (RRS) yang merupakan satu konsep dalam Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1995). Pada peringkat semantik inkuisitif, pelajar mempraktikkan KBAT pada aras menganalisis dan menilai untuk meneroka jauh makna baris sajak ‘akal kita mampu mengolahnya’. Persoalan kenapa, kenapa dan kenapa diketengahkan untuk mendapatkan jawapan dan makna yang diinginkan. Hasil daripada kaedah pembelajaran yang mengaplikasikan pendekatan SI ini, pelajar berjaya mencungkil makna yang dihajati oleh penulis sajak sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi.

Ho dan Jalaluddin (2019) telah menjalankan analisis semantik inkuisitif dalam kajian yang bertajuk “Bahasa kiasan dalam lagu “Mati Hidup Semula”. Kajian ini bertujuan menghuraikan makna dan akal budi penulis melalui bahasa kiasan yang digunakan dalam lagu “Mati Hidup Semula”. Dalam kajian ini, maksud yang ingin disampaikan oleh penulis dapat disingkap iaitu penulis memanfaatkan pengetahuan sedia ada pendengar tentang “mati” ketika menyampaikan mesej tentang kehidupannya yang dianggapnya tidak diketahui dan sukar difahami oleh orang lain. Dari segi falsafahnya, kiasan ini membawa pengajaran bahawa seseorang itu haruslah mengelakkan diri daripada perbuatan yang memudaratkan diri. Pada peringkat semantik inkuisitif, penerokaan dilakukan dengan menampilkan akal budi serta falsafah di sebalik pemilihan sesuatu kata tersebut. Dalam ungkapan “Dulu hidup kuraskan mati”, leksikal “mati” dipilih oleh penulis untuk menggambarkan kehidupannya pada masa itu. Konsep “mati” bersifat sejagat, yakni, tidak kira jenis agama atau bangsa sekalipun, “mati” tidak lari daripada pengalaman hidup mereka. Setiap manusia mengetahui konsep mati “sebagai tidak bernyawa lagi”. Yang pasti orang yang mati akan meninggalkan mereka yang masih hidup selama-lamanya. Oleh sebab itu, “kematian” sering diselubungi kesedihan. Setiap manusia mempunyai upacara masing-masing untuk menguruskan orang yang telah mati atau meninggal dunia. Dari segi falsafahnya, kiasan ini membawa pengajaran bahawa seseorang itu haruslah mengelakkan diri daripada perbuatan yang memudaratkan diri. Hal ini kerana jika tersilap langkah, maka kesan buruk akan menimpa dirinya. Kesan buruk itu amatlah dahsyat sehingga pada tahap seperti “orang yang telah mati, hilang segala-galanya”.

Berdasarkan sorotan-sorotan kajian di atas, dapatlah dijelaskan di sini bahawa pendekatan semantik inkuisitif berupaya memperkasakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sekali gus mengukuhkan kemahiran kognitif dan intelektual pelajar. Justeru, kajian yang dijalankan ini akan membuka lembaran baharu dalam pembelajaran berasaskan penerokaan dan pencungkilan makna di peringkat pendidikan rendah terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

METODOLOGI



Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini memilih teks sajak bertajuk “Demi Negara” hasil nukilan Pena Aima (2020) dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 sebagai data kajian. Kaedah analisis dokumen dan data korpus dipilih untuk menjalankan kajian ini di samping turut mendapatkan data kajian melalui pemerhatian terhadap responden kajian yang terdiri daripada 10 orang murid Tahun Lima semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di dalam kelas pendidikan Bahasa Melayu.

Kerangka Teori

Pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) yang mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pendekatan SI merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat semantik skrip, peringkat semantik resonans dan peringkat semantik inkuisitif. Pada peringkat semantik skrip, ia melibatkan tafsiran makna harfiah. Semantik skrip hanya melibatkan hubungan bahasa, makna dan pemikiran. Tafsiran makna dilakukan berdasarkan tafsiran umum daripada pemerhatian secara lapangan dan melalui pembacaan terhadap teks-teks yang ada bagi mentafsir pemikiran Melayu, sehingga tafsiran makna hanya dapat dilihat secara permukaan. Pada peringkat semantik resonans, tafsiran akan melibatkan proses menghuraikan kognitif penutur.

Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) yang menekankan dua prinsip utama iaitu andaian asas dan kesannya turut digunakan dalam peringkat ini. Teori Relevans turut menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Pada peringkat ketiga iaitu peringkat terakhir dalam pendekatan SI dipanggil semantik inkuisitif. Analisis semantik tahap ini bukan sahaja mengaitkan bahasa dan kognitif penuturnya tetapi meneroka jauh ke akal budi penuturnya. Semantik peringkat ini mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu. Dalam peringkat ini, jawapan kepada ‘mengapa’ dan ‘kenapa’ hingga terbongkarnya rahsia pemikiran Melayu. Ringkasan kepada rentetan peringkat pendekatan SI ini dapat dilihat seperti dalam rajah berikut:

Jadual 1: Peringkat Semantik Inkuisitif

PERINGKAT 1 – SEMANTIK SKRIP	
Makna Harfiah (tafsiran dilakukan secara tersurat)	
	
PERINGKAT 2 - SEMANTIK RESONANS	
Data dimasukkan dalam kerangka teori	Dicungkil maklumat kognitif dan dikaitkan dengan falsafah (masih pada peringkat abstrak)
	
PERINGKAT 3 - SEMANTIK INKUISITIF	
Diterokakan jawapan sehingga mencapai tahap konkrit. Persoalan kenapa, kenapa dan kenapa dijawab pada masa ini.	Menyerlahkan akal budi Melayu yang menjadi budaya dalam masyarakat Melayu.

Sumber: diadaptasi dan diubahsuai dari Nor Hashimah Jalaluddin (2014)

HASIL DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, ujaran yang dipetik daripada sajak ‘Demi Negara’ hasil nukilan Pena Aima (2020) akan dianalisis. Dua data iaitu, dua ujaran dipilih oleh guru untuk dirungkaikan bersama pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran sajak ‘Demi Negara’ ini.

Data 1: tegak semangat mengalun lagu*Peringkat Semantik Skrip*

Ujaran ‘tegak semangat mengalun lagu’ dipilih secara rawak oleh pengkaji untuk membimbing pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran yang bersifat penerokaan makna ini. Pada peringkat semantik skrip ini, pelajar dibimbing oleh guru untuk mencari makna di peringkat permukaan dengan menggunakan kamus Bahasa Melayu. Pencarian makna di peringkat ini agak mudah kerana pelajar hanya perlu meneliti makna eksplisit iaitu makna yang tersurat sahaja.

Jadual 2: Makna Harfiah “tegak semangat mengalun lagu”

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
1	tegak semangat mengalun lagu	tegak	- lurus
		semangat	- roh yang terdapat dalam segala makhluk
		mengalun	- mengombak
		lagu	- irama suara

Apabila diteliti makna di peringkat permukaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2, jelas menunjukkan makna yang diperolehi ternyata hanya bersifat literal sahaja. Makna yang diperolehi itu jelas tidak dapat menyampaikan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penyajak. Makna harfiah yang diperolehi hasil daripada dapatan perbincangan guru dan pelajar dalam peringkat ini ialah tegak = lurus, semangat = roh yang terdapat dalam segala makhluk, mengalun = mengombak dan lagu = irama suara. Setelah digabungkan, ianya akan diungkapkan ‘lurus roh yang terdapat dalam segala makhluk mengombak irama suara’. Ujaran ini tidak sama sekali menyampaikan makna sebenar ungkapan ‘tegak semangat mengalun lagu’. Justeru, guru menerangkan kepada pelajar bahawa terdapat peringkat seterusnya yang akan merungkai makna yang diinginkan.

Peringkat Semantik Resonans

Pada peringkat kedua yang dipanggil peringkat semantik resonans ini, pelajar akan dibimbing oleh guru untuk mencungkil makna menggunakan kerangka Teori Relevans (TR) yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). TR menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran. Semakin banyak kesan kognitif diperolehi, maka semakin kurang usaha memproses maklumat diperlukan, dan kesannya semakin relevanlah ujaran itu. Sebaliknya jika terlalu sedikit kesan kognitif diperolehi, maka semakin tinggilah usaha untuk memproses maklumat, dan kesannya semakin tidak relevanlah ujaran tersebut. Pada tahap ini, guru memainkan peranan mengarahkan pelajar ke arah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Di sinilah pemeraksanaan KBAT itu berlaku di mana pelajar diminta mengemukakan andaian-andaian yang disyaratkan dalam TR untuk mendekati makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh penyajak. Analisis tahap semantik resonans membenarkan pengkaji mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar. Semua ini akan membantu pencarian makna yang tepat dan tinggi kesahannya. Oleh sebab pada peringkat resonans ini penganalisisan data berbantuan TR, pelajar terlebih dahulu dibekalkan dengan konteks permulaan.

Dalam TR, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Kewujudan konteks akan memudahkan pelajar untuk mengesan makna pada tahap semantik resonans. Pelajar diberi edaran berbentuk borang analisis untuk menulis sinopsis, kod, inferens dan

andaian. Pelajar dibimbing menyenaraikan kod, inferens dan andaian. Hasil perbincangan guru dengan pelajar dapat dilihat dan ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian

Analisis TR		
Data (1) tegak semangat mengalun lagu		
Kod	Inferens	Andaian
semangat	Berkobar-kobar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan penuh perasaan 2. Melafazkan ikrar dan janji taat setia 3. Cinta akan tanahair

Setelah pelajar berjaya menentukan kod, membuat inferens dan mengetengahkan set andaian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di atas, proses memutuskan untuk memilih andaian yang paling relevan pula dilakukan. Pelajar diberikan tugas seterusnya untuk memikirkan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan seni bahasa. Berdasarkan hasil dapatan perbincangan (rujuk Jadual 3 di atas) tiga bentuk andaian dikenal pasti iaitu yang pertama ‘dengan penuh perasaan, kedua ‘melafazkan ikrar dan janji taat setia’ dan yang ketiga, ‘cinta akan tanahair’. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang pelajar. Mereka telah sedia maklum tentang apabila menyanyikan lagu patriotik, semestinya perlu menyanyikan lagu itu dengan penuh perasaan. Justeru itu, sangat mudah untuk mengarah pelajar ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR. Analisis tahap ini memerlukan pelajar mempraktikkan kemahiran berfikir yang optimum selaras dengan pemeraksanaan KBAT yang diterapkan dalam silibus Bahasa Melayu sekolah rendah.

Peringkat Semantik Inkuisitif

Namun begitu, dua proses pencarian makna yang menggunakan semantik skrip dan semantik resonans masih belum dapat mecungkil makna ujaran ‘tegak semangat mengalun lagu’ sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi. Masih ada makna yang lebih mendalam yang perlu diteroka. Maka dengan itu, di sinilah pelajar dibimbing mencungkil makna yang mengambil kira falsafah, budaya dan akal budi penulisnya. Persoalan kenapa, kenapa dan kenapa diajukan dalam peringkat ini. Bentuk persoalan seperti yang dinyatakan tadi merangsang tahap pemikiran pelajar sehingga mencetus kemahiran berfikir aras tinggi pelajar untuk melakukan penerokaan makna sedalam-dalamnya. Kenapa leksikal ‘semangat’ disesuaikan dengan tegak? kenapa ‘tegak’ dipilih oleh penyajak, bukannya ‘besar’, ‘tegap’ mahupun ‘teguh’?

Bagi merungkai persoalan ini, pelajar dibimbing oleh guru untuk memahami tentang semangat. Semangat dalam konteks moral seperti yang dipelajari oleh pelajar ialah perasaan yang membara dan berkobar-kobar untuk berjuang dan menghadapi sesuatu situasi yang tegang demi mencapai keputusan yang memberangsangkan. Secara tidak langsung, guru berupaya memperkasakan KBAT dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran bersifat multidisiplin ini. Kenapa pula ‘mengalun lagu’? Menurut Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abd Rahim (2017), lagu merupakan salah satu medium untuk seseorang menzahirkan perasaan ke dalam bentuk tulisan agar perasaan itu dapat dibaca oleh khalayak pembaca. Lagu juga boleh dikategorikan sebagai puisi. Dalam sesebuah lagu, elemen bahasa menjadi tunjang penting di samping menggunakan kreativiti penulis untuk menghasilkan lagu yang baik. Menurut Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon dan Mohd Rosli Saludin (2016), dalam konteks lagu, teks yang dikenali sebagai seni kata bukannya puisi kerana lagu-lagu popular terbentuk melodi dahulu sebelum lirik.

Dengan kata lain, seni kata terbentuk dari melodi lagu. Lagu ialah satu bentuk melodi yang diucapkan dan mempunyai nada, intonasi dan ton yang berirama. Dengan yang demikian, pelajar telah berjaya mencungkil makna ujaran ‘tegak berdiri mengalun lagu’ seperti apa yang diinginkan oleh penayajak sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi Melayu.

Data 2: lahirkan jiwa sukarela

Peringkat Semantik Skrip

Data (2) ‘lahirkan jiwa sukarela’ merupakan gaya bahasa hiperbola yang dipetik daripada sajak ‘Demi Negara’. Secara literalnya, setiap perkataan dalam ungkapan “lahirkan jiwa sukarela” dapat diperoleh dengan merujuk kamus Bahasa Melayu. Apabila menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, langkah awal analisis data ialah analisis semantik skrip. Pada tahap analisis semantik skrip ini, pelaja didedahkan dengan makna harfiah, iaitu maksud yang diperoleh daripada kamus Bahasa Melayu. Analisis peringkat semantik skrip telah mendapati bahawa pelajar telah mampu mengemukakan makna harfiah berikut dalam proses pengajaran-pembelajaran yang dilaksanakan kerana telahpun didedahkan dengan semasa menganalisis data terdahulu. Dalam pendekatan semantik inkuisitif, tahap pertama analisis sangat mudah kerana hanya mengesan makna secara harfiah sahaja. Hasil pencarian makna dapat dilihat pada Jadual 4.

Jadual 4: Makna Harfiah “lahirkan jiwa sukarela”

Data	Ungkapan	Perkataan	Makna
2	Lahirkan jiwa sukarela	lahirkan jiwa sukarela	- mengeluarkan perasaan - nyawa, roh - dengan rela hati, kehendak sendiri

Berdasarkan Jadual 4 di atas, pelajar berupaya mencari makna literal perkataan ‘lahirkan’= mengeluarkan perasaan, ‘jiwa’= nyawa atau roh dan ‘sukarela’ = dengan rela hati atau kehendak sendiri. Ungkapan yang terbentuk ialah ‘mengeluarkan perasaan nyawa atau roh dengan rela hati atau kehendak sendiri’. Walaupun pelajar didapati berjaya mengemukakan makna ‘lahirkan jiwa sukarela’ seperti dalam Jadual 4: Makna harfiah ‘lahirkan jiwa sukarela’, namun makna ini belum lagi dapat menyampaikan makna sebenar yang dihayati pencipta sajak ini. Pelajar seterusnya dibimbing untuk mengesan makna tersirat berkenaan.

Peringkat Semantik Resonans

Tahap analisis dalam Pendekatan semantik inkuisitif seterusnya akan dilakukan, iaitu analisis tahap semantik resonans. Dalam analisis ini, pengkaji mengaplikasikan TR yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986,1995). Dalam TR juga, penggunaan kod memainkan peranan penting kerana penggunaan kod, inferens dan andaian merupakan kekuatan sebenar dalam teori ini. Analisis tahap semantik resonans membenarkan pengkaji mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar. Semua ini akan membantu pencarian makna yang tepat dan tinggi kesahannya. Dalam TR, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Kewujudan konteks akan memudahkan pelajar untuk mengesan makna pada tahap semantik resonans. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang pelajar. Mereka telah sedia maklum tentang pengorbanan tiga insan yang dikemukakan dalam sajak ini. Jadi, sangat mudah untuk mengarah pelajar ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR apabila pada peringkat analisis

pertama pendekatan semantik inkuisitif, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti. Berikut merupakan hasil perbincangan dengan pelajar seperti yang dikemukakan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Penentuan Kod, Inferens dan Andaian

Analisis TR		
Data (2) lahirkan jiwa sukarela		
Kod	Inferens	Andaian
jiwa	perasaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melakukan kerja dengan senang hati 2. Gembira dan berbangga dengan perbuatan yang dilakukan.

Setelah menentukan kod, membuat inferens dan mengemukakan set andaian di atas, proses menentukan andaian yang paling relevan pula dilakukan. Responden yang terdiri daripada kumpulan pelajar diberikan tugas seterusnya untuk memikirkan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan seni bahasa yang dipaparkan. Beberapa andaian perlu difikirkan kerana seperti yang telah dinyatakan, pelajar akan membina andaian-andaian berdasarkan perbincangan dalam kumpulan dan kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Berdasarkan hasil perbincangan (rujuk Jadual 5 di atas) dua bentuk andaian dikenal pasti iaitu, yang pertama melakukan kerja dengan senang hati dan gembira dan berbangga dengan perbuatan yang dilakukan. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang pelajar. Responden telah bersepakat memilih andaian yang kedua untuk disesuaikan dengan ujaran 'lahirkan jiwa sukarela'.

Mereka telah sedia maklum tentang keadaan sifat dan sikap seseorang individu berjiwa patriotik yang dengan senang hati dan berbangga dengan perkara yang dilakukan kepada tanah air yang disanjung. Justeru, sangat mudah untuk mengarah pelajar ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam TR, apabila pada peringkat analisis pertama pendekatan semantik inkuisitif, seperti yang telah dinyatakan, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti. Dapatan perbincangan ini turut mendapati kesan konteks yang terbina daripada andaian tersebut tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Responden dapat mengaitkan andaian ini dengan maklumat sedia ada mereka tentang keadaan seseorang yang berasa senang hati apabila menyumbang jasa dan bakti kepada negara. Jelas sekali situasi yang dipaparkan oleh pengarang iaitu gembira dan berbangga dengan perbuatan yang dilakukan untuk kesejahteraan tanah air mampu memberi kepuasan dalam diri. Namun begitu, walaupun pelajar telah memaparkan kemahiran kognitif mereka, terdapat analisis tahap ketiga yang perlu dilakukan dalam pendekatan semantik inkuisitif ini iaitu, analisis tahap ketiga yang disebut analisis semantik inkuisitif untuk mengetahui lebih lanjut makna sebenar yang dihayati oleh penyajak.

Peringkat Semantik Inkuisitif

Analisis ada peringkat ini memaparkan falsafah dan akal budi masyarakat yang terkandung dalam karya yang dicipta oleh penyajak ini. Makna 'lahirkan jiwa sukarela' akan dianalisis dengan lebih lanjut dan mendalam lagi. Makna tahap semantik skrip dan resonans tidak mencukupi. Pelajar didedahkan pula dengan analisis makna peringkat semantik inkuisitif. Pada peringkat ini, pelajar akan diajar mencari maklumat secara merentas disiplin. Pelajar akan dibimbing dengan mencari makna di peringkat multidisiplin pula. Pada peringkat ini, persoalan kenapa, kenapa dan kenapa dalam pendekatan semantik inkuisitif akan membantu pelajar mencari makna yang

dihajati seterusnya. Kenapa sajak ini menggunakan baris ‘Lahirkan jiwa sukarela’ sedangkan melahirkan itu merupakan situasi atau perbuatan manusia. Kenapa baris ini dikemukakan? Di sinilah, pelajar akan diarah untuk memikirkan makna jiwa sukarela yang dimaksudkan itu, pelajar akan mengaitkan perihal melahirkan dengan jiwa sukarela yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar jika dibandingkan dengan melahirkan bayi.

Baris ‘Lahirkan jiwa sukarela’ dalam sajak “Demi Negara” sangat menarik untuk dikaji dan dianalisis maknanya menggunakan semantik inkuisitif. Kajian ini berpendapat bahawa frasa jiwa sukarela mempunyai falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan sajak ini. Bagi melengkapkan penganalisan makna menggunakan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014a), pelajar perlu mempersoalkan kenapakah ‘jiwa sukarela’ digunakan dalam baris sajak ini. Jiwa sukarela yang dinyatakan dikaitkan dengan perihal melahirkan. Jika diteliti dengan mendalam, jiwa ialah perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar jika dibandingkan dengan zuriat yang lahir keluar daripada rahim seorang perempuan. Di saat ini, pelajar dibimbing untuk memperkasakan KBAT melalui persoalan-persoalan yang merangsang daya pemikiran mereka.

Jiwa yang dimaksudkan di sini ialah melibatkan semangat dan keinginan yang ada dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu. Untuk menjelaskan bahawa jiwa sememangnya boleh dilahirkan walaupun tidak dapat dilihat ialah melalui tingkah laku seseorang serta sifat yang ditunjukkan apabila ingin melakukan sesuatu perkara yang merangsang keinginan yang berkobar-kobar. Keadaan ini dilihat sesuai dengan sifat individu yang mempunyai perasaan dan semangat patriotik demi sebuah perjuangan mempertahankan tanah air daripada ancaman anasir luar. Menurut Aisyah Ab Rahim (2012), jika dikaitkan dengan konteks masyarakat ketika ini, apabila ditimpa oleh sesuatu musibah atau dugaan, lazimnya manusia mudah berputus asa dan hanyut dalam arus kesedihan. Islam mengajar manusia agar menerima dugaan daripada Allah s.w.t dengan redha dan bermuhasabah diri agar lebih mendekatkan diri denganNya serta dapat bangkit meneruskan kehidupan kerana setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Dugaan yang terjadi akan menjadikan manusia lebih kuat dan cekal jika dia mengikut cara yang betul dengan berlandaskan al-Quran dan sunnah. Sesuatu yang negatif boleh diubah menjadi positif seperti menukarkan kesedihan dan kemarahan menjadi tenaga patriotisme untuk berjuang demi negara dan bangsa.

Seterusnya, kenapa pula sukarela dikaitkan dengan jiwa yang dilahirkan? Dengan itu, pelajar dibimbing seterusnya untuk memahami terlebih dahulu tentang sukarela. Di sini guru membimbing pelajar mendalami ilmu pendidikan moral dan pendidikan sivik dan kewarganegaraan yang merentas kurikulum bahasa. KBAT diaplikasikan oleh pelajar untuk menghasilkan jawapan yang konkrit serta menepati keinginan penyajak. Menurut Siti Raba’ah Hamzah et. al. (2015), teori peranan yang diperkenalkan oleh Parsons (1942) dan George (1990) menjelaskan bahawa seseorang individu menerima pakai pelbagai peranan yang dijalankan setiap hari apabila berhadapan dengan masyarakat. Hampir kesemua faktor psikososial tersebut akan terus menjadi sebatian dengan diri seseorang dan akan bercantum untuk membentuk tingkah laku. Seterusnya, teori peranan juga menerangkan bahawa hasil peranan dan tingkah laku tersebut akan menentukan pilihan terbaik dan juga terpenting bagi seorang sukarelawan.

Teori ini sememangnya amat relevan dengan sifat dan tingkah laku yang terhasil oleh seseorang individu. Pelajar diterangkan dengan makna sukarela sebelum mengaitkan jiwa yang wujud dalam diri manusia dengan tingkah laku sukarela yang dipupuk. Tuntasnya, pendekatan inkuisitif dalam analisis di atas mampu menjawab setiap persoalan ‘kenapa’ yang timbul. Pengaplikasian pendekatan inkuisitif ini juga membantu pelajar memperkasakan KBAT dan mempertajamkan kognitif mereka di samping membuat inferens tentang data (2) lahirkan jiwa sukarela di atas. Umumnya, penyajak memilih leksikal yang paling indah, tepat dan sesuai dengan

maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca atau pendengar. Analisis yang menggunakan pendekatan inkuisitif ini menyerlahkan sifat penyajak yang bijak memilih kata sekaligus merungkai falsafah serta akal budinya.

KESIMPULAN

Tuntasnya, penggunaan pendekatan SI dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa di sekolah berupaya memperkasa KBAT dalam kalangan pelajar. Pelajar berkeupayaan untuk mencungkil makna sehingga ke peringkat falsafah, budaya dan akal budi Melayu. Pengaplikasian TR di peringkat semantik resonans juga membantu pemahaman pelajar untuk meneroka dan merungkai makna implisit dalam bahan pengajaran dan pembelajaran seni bahasa khususnya sajak.

Pendekatan yang bersifat penerokaan ini mencetus pemikiran kreatif para pelajar dalam mengharungi versi pembelajaran alaf baharu seiring dengan pembudayaan KBAT dalam konteks PAK21. Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada golongan penyajak agar dapat memilih leksikal dan frasa yang sesuai dalam mengarang petikan sajak yang bersesuaian dengan tahap kognitif pelajar demi memantapkan lagi kandungan pembelajaran khususnya dalam pendidikan Bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Aisyah Ab. Rahim. (2012). Shamsiah Fakeh (1924-2008): Kajian terhadap perjuangan wanita Islam di tanah Melayu. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Malaya.
- Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2021). Penggabungjalinan Pendekatan Semantik Inkuisitif Dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran-Pembelajaran Bahan Seni Bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 55-66.
- Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2021). Merungkai makna sajak "Istimewanya kita": Pengaplikasian semantik inkuisitif dalam kalangan murid tahun empat. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 68-79.
- George, Jennifer M. (1990). Personality, affect, and behavior in groups. *Journal of Applied Psychology*, 75(2): 107.
- Hartini Mohd Ali dan Normaliza Abd Rahim .(2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “Bebaskan” berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 102-111.
- Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon dan Mohd Rosli Saludin. (2016). Estetika lagu-lagu Melayu popular (ELMP): Satu analisis terhadap seni kata lagu. *International Journal of Malay Letters*, 4, 97-126.
- Parsons, T. (1942). Some sociological aspects of the fascist movements. *Soc. F.*, 21, 138.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). PERWATAKAN DALAM NOVEL KOMSAS “DI SEBALIK DINARA”: ANALISIS TEORI RELEVAN. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.
- Siti Raba’ah Hamzah, Turiman Suandi & Azimi Hamzah. (2015). Profil teras pertubuhan sukarela belia di Malaysia. Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.

LAMPIRAN

Demi Negara

Patriotik

bukan sekadar kata-kata
sulam dan mekarkan janji kepada negara
tegak semangat mengalun lagu
hayati, amalkan kata terucap
jalinkan perpaduan di mana-mana jua.

Patriotik

lahirkan jiwa sukarela
keringat dicurah demi negara
hargai perajurit mengangkat senjata
demi lestari keamanan
mereka rela berkorban.

Patriotik

biarkan mekar
subur di jiwa nurani
yang suci berani.

Nukilan: Pena Aima